

Jerit minta tolong sejurus terjatuh

Kuala Lumpur: “Dia (mangsa) menjerit meminta tolong sejurus terjatuh (ke dalam lubang jerlus) sebelum terus senyap tidak lama kemudian,” ujar suami kepada wanita warga India yang terjatuh dan tertimbus di dalam lubang benam berhampiran Masjid India di sini, semalam.

Bagaimanapun lelaki berusia 40-an itu agak keberatan untuk menceritakan dengan lebih lanjut berhubung insiden menimpa isterinya di samping kesukaran untuk berkomunikasi.

Setakat jam 3 petang semalam, usaha

mencari dan menyelamatkan (SAR) yang sudah memasuki tujuh jam diteruskan menggunakan jengkaut bagi membesarkan lubang benam terbabit untuk memudahkan tugas pasukan penyelamat.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman berkata, pihaknya masih dalam proses melengkapkan maklumat berkaitan kejadian itu dan sedang meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan itu.

“Kita juga akan merakam keterangan saksi bagi membantu siasatan, setakat

ini saya tidak boleh komen lebih terperinci kerana ia masih dalam siasatan.

“Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan anggota bomba sedang giat melaksanakan kerja penyelamatan di lokasi kejadian,” katanya pada sidang media di lokasi kejadian di sini, semalam.

Menurutnya, setakat ini kawasan itu masih dianggap selamat bagaimanapun perbincangan lanjut akan diadakan bagi mempertimbangkan jika ada keperluan untuk menutup kawasan itu.



ANGGOTA bomba dan pasukan penyelamat bertungkus-lumus mencari mangsa yang terjatuh dalam lubang berhampiran Masjid India, semalam.

